

GCAP bantu alumni menganggur

JOHOR BAHRU 19 Mac - Pusat Kemajuan dan Hubungan Alumni dengan kerjasama Pejabat Pengurusan Akademik dan Pejabat Hal Ehwal Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) akan menganjurkan Program Latihan Pragradian (GCAP) untuk meningkatkan kemahiran golongan itu dalam usaha melahirkan tenaga kerja bertaraf dunia.

Pegawai Perhubungan Awam UTHM, Shafry Salim berkata, program berkenaan mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan alumni selepas menerima kira-kira 160 permohonan.

Walau bagaimanapun, katanya, jumlah itu terpaksa disaring terlebih dahulu untuk menjaga kualiti program dan hanya 60 peserta berjaya ditawarkan tempat.

"Program yang mengambil masa selama enam minggu ini melibatkan penuntut semester akhir program ijazah sarjana muda serta Alumni UTHM yang masih belum bekerja dan yang mahu mendapat pekerjaan sesuai.

"Di akhir program, para peserta akan berpeluang melibatkan diri dalam karnival kerjaya dan sesi temuduga bersama syarikat-syarikat multinasional sebelum dianugerahkan Sijil Profesional Latihan Kemahiran," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Program GCAP melibatkan tenaga pengajar profesional berpengalaman



SEBAHAGIAN peserta yang terlibat dalam Program Latihan Pragradian (GCAP) anjuran Pusat Kemajuan dan Hubungan Alumni dengan kerjasama Pejabat Pengurusan Akademik dan Pejabat Hal Ehwal Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di UTHM, baru-baru ini.

laman dalam mendidik dan membentuk peserta menjadi lebih produktif dalam pasaran kerjaya.

Antara yang diterapkan dalam program tersebut ialah cara berkomunikasi secara profesional, melakukan pembentangan dengan lebih cemerlang, bertutur dalam bahasa

Inggeris dengan lebih yakin dan membentuk personaliti yang dilengkapi dengan kecerdikan emosi.

Yuran termasuk adalah percuma malah peserta diberi elaun yang ditaja Kementerian Pengajian Tinggi dan Talent Corporation sebanyak RM800 sebulan.

Sehubungan itu, graduan dan penuntut semester akhir yang ingin menyertai program GCAP untuk sesi akan datang boleh melayari laman web <http://alumni.uthm.edu.my> atau melalui laman sosial Fanpage Facebook: Alumni UTHM untuk mendapatkan maklumat lanjut.